



# SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

## KESELAMATAN – SELAMAT DI RUMAH, SELAMAT DI TASKA

**PETALING JAYA, 13 Ogos** – Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah melaksanakan pelbagai inisiatif dengan memberi penekanan kepada aspek yang berkaitan dengan kesejahteraan dan kebajikan kanak-kanak untuk mendapat pengasuhan yang berkualiti.

Menurut Menteri, YB Dato' Sri Rohani Abdul Karim, sejak kebelakangan ini banyak berlaku penganiayaan terhadap kanak-kanak dalam pelbagai bentuk sama ada secara fizikal, emosi mahupun seksual.

"Ibu bapa perlu diberi pendedahan dan pendidikan tentang langkah-langkah perlindungan terhadap anak mereka supaya anak-anak sentiasa berada dalam keadaan selamat yang mana merujuk kepada Akta Kanak-Kanak 2001 (Pindaan 2016) yang baharu dipinda telah memberi penekanan terhadap langkah-langkah keselamatan kanak-kanak," katanya kepada media selepas merasmikan Majlis Sambutan Hari TASKA Peringkat Kebangsaan Tahun 2016 di sini hari ini.

"Selain ibu bapa, TASKA juga merupakan institusi pengasuhan dan pendidikan awal kanak-kanak yang perlu memainkan peranan yang penting dalam memastikan keselamatan kanak-kanak termasuklah dengan melaksanakan polisi perlindungan dan garis panduan keselamatan untuk mereka," kata Rohani.

Pada masa yang sama, Rohani turut melancarkan portal [www.asuhan.my](http://www.asuhan.my) yang akan memberi kemudahan kepada semua pihak untuk mengenalpasti TASKA-TASKA yang berdaftar di seluruh Malaysia.

Tambah Rohani, bagi membantu pengusaha TASKA yang belum berdaftar, JKM akan meneruskan Kempen Jom Daftar TASKA dengan kerjasama Persatuan Pengasuh Berdaftar Malaysia (PPBM) dan Persatuan-Persatuan Pengasuh Peringkat Negeri.

Sehingga Jun 2016, terdapat 4,240 buah TASKA yang telah berdaftar di seluruh Negara dan saya yakin dengan pengisian yang dirancang dalam sambutan Hari TASKA pada hari akan memberi kesedaran tentang peripentingnya TASKA untuk berdaftar," sambung Rohani lagi.



"TASKA yang berdaftar akan dapat menarik lebih ramai lagi ibu bapa untuk melibatkan diri mereka dalam pelbagai program pendidikan awal kanak-kanak demi kesejahteraan masa depan anak-anak mereka," tegas beliau kepada media.

Turut hadir di majlis tersebut ialah YBrs. Dr. Rose Lena Lazemi, Ketua Setiausaha KPWKM, YBrs. Encik Azman Mohd. Yusoff, Timbalan Ketua Setiausaha (Strategik) KPWKM, YBrs. Encik Wee Beng Ee, Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi) KPWKM, YBrs. Ms. Marianne Clark-Hattingh, Wakil UNICEF di Malaysia, YBhg. Dato' Hj Zulkipli Ramli, Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat dan Datin PH Wong, Presiden Persatuan Pengasuh Berdaftar Malaysia.

Disediakan oleh:

🏠 Unit Komunikasi Korporat  
Kementerian Pembangunan Wanita,  
Keluarga dan Masyarakat  
Aras 35, No. 55, Persiaran Perdana,  
Presint 4, 62100 Putrajaya.  
☎ No.Telefon: 03-8323 1087  
No.Faks :03-8323 2012  
✉ E-mel : info@kpwkm.gov.my

ADUAN KRISIS MASYARAKAT  
**TALIAN *Kasih***  
**15999**



<http://www.kpwkm.gov.my>



<https://www.facebook.com/kpwkm>



<https://twitter.com/KPWKM>



<https://www.instagram.com/kpwkm>



<https://www.youtube.com/user/KPWKMINFO>